

'Dasar Pemisah berjaya pulihkan 60 peratus pegawai awam berprestasi rendah'

Oleh Norzamira Che Noh - September 26, 2023 @ 1:51pm

bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Sebanyak 60 peratus pegawai perkhidmatan awam yang dimasukkan ke Dasar Pemisah selepas prestasi kerja mereka berada di tahap rendah berjaya dipulihkan kembali dan kekal berada dalam perkhidmatan dengan semangat serta motivasi lebih baik.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata dasar yang diperkenalkan pada 2015 itu membuktikan peranan dimainkan pegawai psikologi memberi kesan signifikan dalam membantu penjawat awam mengekalkan perkhidmatan mereka dengan prestasi tinggi.

"Perkhidmatan psikologi kini adalah teras utama dalam menguruskan sumber manusia kerana elemen kesejahteraan adalah penentu kepada kecemerlangan perkhidmatan.

"Tiga aspek yang saling berkaitan iaitu kesihatan, kebahagiaan dan kesejahteraan adalah acuan penting bagi melahirkan kesejahteraan psikologi individu," katanya berucap pada Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam kali ke-27 di MBSA Convention Centre, di sini, hari ini.

Dasar Pemisah yang dilaksanakan pada 2015 hingga kini, adalah proses untuk menamatkan perkhidmatan dan membersarkan pegawai yang berprestasi rendah daripada perkhidmatan awam dengan nilai prestasi tahunan kurang daripada 60 peratus serta petunjuk prestasi utama (KPI) di bawah sasaran.

Mohd Zuki turut melancarkan inisiatif Value Champion Officer (VCO) dengan melantik 15 pegawai daripada kementerian, jabatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi melestarikan pembudayaan nilai murni dalam perkhidmatan awam melalui teladan terbaik di organisasi.

Mengulas lanjut, Mohd Zuki berkata, bagi kesejahteraan psikologi merentasi sepanjang perkhidmatan, perkhidmatan psikologi perlu dilibatkan dalam urusan utama kementerian, jabatan dan agensi

"Ini kerana semua pelanggan kita adalah manusia yang perlu disantuni dan perlu kita fahami akan keperluan dan rasa hati mereka. Hal ini juga bertepatan dengan elemen ihsan dalam agenda MADANI yang ingin kita capai," katanya.

Beliau berkata, kerajaan amat menghargai sumbangan perkhidmatan psikologi dan prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan penjawat awam.

Katanya, dalam usaha untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang giat melaksanakan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) secara menyeluruh merangkumi tiga skop iaitu Perjawatan dan Organisasi; Pengurusan Bakat; dan Kemampunan Sistem Saraan membabitkan semua skim perkhidmatan.

"Dengan itu, input daripada semua skim dan kumpulan perkhidmatan sangat diperlukan. Saya menggesa semua penjawat awam menyampaikan pandangan melalui Sistem Semakan Saraan yang boleh diakses melalui portal JPA," katanya.